



## SIARAN MEDIA

### DIPLOMA PASCA SISWAZAH KERJA SOSIAL (DPSKS) PLATFORM TINGKATKAN PROFESIONALISME DALAM BIDANG KERJA SOSIAL

**KUALA LUMPUR**, 18 Februari 2016 – Seramai 22 orang Pegawai Pembangunan Masyarakat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menerima tawaran Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara KPWKM dan ISM di sini, hari ini.

MoA ini bertujuan untuk mewujudkan jalinan kerjasama dalam pelaksanaan program DPSKS yang lebih signifikan khususnya dalam bidang pembangunan sosial dan meningkatkan kesarjanaan kedua-dua pihak yang terlibat.

“Penganjuran DPSKS dengan kerjasama UKM merupakan suatu Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kerajaan melalui KPWKM dalam memberi peluang kepada Pegawai dan Kakitangan KPWKM dan agensi khasnya kepada Pegawai Pembangunan Masyarakat yang sedang berkhidmat. Program DPSKS dirangka bagi memenuhi keperluan meningkatkan profesionalisme pekerja dalam bidang Kerja Sosial di kalangan Pegawai dan Kakitangan KPWKM dan agensi di bawahnya. Di samping menguasai ilmu Kerja Sosial, peserta juga akan didedahkan dengan kemahiran penyelidikan menggunakan pendekatan saintifik dalam menjana ilmu dan keupayaan mempraktiskannya ke dalam dunia pekerjaan mereka setelah tamat pengajian nanti.” ujar YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, mewakili YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ketika merasmikan program ini.

Manakala Naib Canselor UKM berkata “Saya yakin kerjasama UKM dan ISM ini akan membuka peluang lebih besar kepada kedua-dua pihak dalam bidang pendidikan dan menggalakkan inovasi dalam bidang pengurusan kerja sosial melalui kajian dan

penyelidikan. Program ini juga diharap dapat menyumbang kepada usaha untuk memantapkan hubungan strategik UKM dengan pelbagai agensi kerajaan, industri dan komuniti”.

Turut hadir ke program ini ialah YBhg. Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor dari pihak UKM manakala YBrs. Dr. Hj. Al-Azmi Bakar, Pengarah, dari pihak ISM. Turut hadir program ini ialah Prof. Dr. Hazita Azman, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM dan YBrs. Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM.

#####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Institut Sosial Malaysia  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Lot PT 13856, KM 6 Lebuhraya  
Kuala Lumpur-Seremban, Sungai Besi,  
57100 Kuala Lumpur

No.Telefon : 019-3105163 (Zubaidi) / 016-8008375 (Hazliza)  
Tarikh dikeluarkan : 18 Februari 2016